

# Dr. Mahathir dilantik Penasihat Petronas

UM 28 NOV 2003

Oleh NOR AZIAH JAAFAR

PUTRAJAYA 27 Nov. — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah dilantik sebagai penasihat syarikat petroleum milik negara, Petronas.

Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin berkata, Dr. Mahathir telah menyatakan persetujuannya untuk menerima jawatan tersebut sebelum ini.

“Sudah lama beliau (Dr. Mahathir) setuju untuk menjadi Penasihat Petronas,” katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Jumaat lalu, Dr. Mahathir berkata, beliau bersedia jika dilantik sebagai Penasihat Petronas.

Bagaimanapun, katanya, beliau belum menerima surat tawaran bagi jawatan itu sehingga kini.

Menurut Azizan, terdapat sedikit silap faham dalam proses pelantikan Dr. Mahathir itu, bagaimanapun semuanya kini telah diselesaikan.

## Pandangan

Katanya, sesuai dengan kedudukan bekas Perdana Menteri itu sebagai Penasihat Petronas, sebuah pejabat akan disediakan untuk kemudahan beliau menjalankan tugasnya.

“Beliau boleh datang ke pejabat yang disediakan bila-bila masa sahaja dan jika mempunyai apa-apa pandangan beliau boleh mengemukakannya kepada Petronas.

“Jawatan penasihat yang disandang oleh Dr. Mahathir adalah sebagai penasihat biasa, bukannya ‘Penasihat British’ yang ada kepentingan,” jelasnya.

Menurut beliau, pelantikan Dr. Mahathir sebagai Penasihat Petronas adalah tepat kerana sebelum ini banyak idea beliau berjaya meningkatkan operasi syarikat minyak milik negara itu.

Azizan memberitahu, Dr. Mahathir meru-

■ Lihat muka 4

## Dr. Mahathir dilantik Penasihat Petronas

pakan orang yang bertanggungjawab mengembangkan operasi Petronas sehingga ke luar negara.

“Semasa saya mula berkhidmat dengan Petronas, syarikat minyak ini sedang berkembang tetapi perkembangannya terbatas kerana operasinya terlalu berpusat dalam negara.

“Oleh itu ada cadangan agar Petronas meluaskan operasinya ke luar negara bagaimanapun pada masa itu kami (pihak pengurusan) diberitahu Petronas belum bersedia ke arah itu,” jelasnya.

Kata Azizan, pandangan Petronas berubah selepas Dr. Mahathir me-

yakini bahawa syarikat minyak itu perlu ke luar negara untuk meningkatkan operasinya.

Menurut beliau, pandangan dan keyakinan Dr. Mahathir terbukti berjaya meningkatkan pencapaian syarikat minyak milik negara apabila hari ini pendapatan Petronas daripada

operasi luar negara adalah lebih besar daripada operasi domestik.

Malah, katanya, Petronas kini telah berada sebaris dengan syarikat minyak multinasional yang lain.

“Hari ini, Petronas telah menjadi seperti Duta kepada Malaysia. Penduduk luar negara mengenali Malaysia melalui Petronas,” ujarnya lagi.